

25 JANUARI 2023



ANGGOTA Unit Udara JBPM bersama APM, JKO dan JBPM Gua Musang mengangkat bantuan makanan untuk dihantar ke Pos Pedalaman Orang Asli, Gua Musang.

Bekalan dah mula dihantar

Usaha agih bantuan makanan kepada penduduk Orang Asli diteruskan selepas cuaca baik

Oleh Paya Linda Yahya
am@hmmetro.com.my

Gua Musang

Selepas tiga hari 'terkandas' akibat hujan, akhirnya Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dapat memulakan operasi penghantaran makanan asas hasil sumbangan kerajaan negeri kepada penduduk Orang Asli di pedalaman, kelmarin.

Detasmen Komander Operasi, Pangkalan Wilayah

Tengah Subang, Selangor, Wahyudi Mohd Sayuhti berkata, operasi dijadualkan bermula Jumaat itu ditangguhkan kerana keadaan cuaca tidak mengizinkan.

"Alhamdulillah, kami dapat meneruskan operasi yang dijadualkan pada Jumaat lalu. Sepanjang tempoh tiga hari terabit ketiga-tiga pesawat iaitu Agusta 109 E (A109E), Agusta Westland 189 (AW189) dan MI-17-IV berada dalam keadaan bersedia.

"Untuk operasi (kelmarin)



yang bermula jam 10 pagi itu, ia hanya membabitkan dua pesawat iaitu A109E dan AW189," katanya di Padang Kompleks Serbaguna Majlis Daerah Gua Musang, kelmarin.

Wahyudi berkata, dalam operasi yang berakhir pada jam 4.45 petang itu, sebanyak 5.9 tan makanan berjaya dihantar ke Pos pedalaman Orang Asli.

"Operasi membabitkan 10 penerbangan ke Pos Gob, Pos Simpoh, Kampung Sempadik, Kampung Gawin dan Kampung Ladoi dengan jumlah keseluruhan untuk operasi ini 5.9 tan.

"Operasi ini bersambung (semalam) bagi menyelesaikan misi penghantaran sebanyak 25 tan makanan yang membabitkan 1,413 keluarga," katanya.

Menurutnya, operasi terabit juga turut mendapat kerjasama daripada JBPM Gua Musang, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA).

Terdahulu, dilaporkan lebih 37 tan bekalan makanan asas diagihkan kerajaan negeri kepada 2,086 keluarga Orang Asli di sekitar daerah ini yang terputus hubungan disebabkan jalan rosak.



Bawa terbang bayi sesak nafas

Gua Musang: Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melakukan penerbangan pemindahan perubatan (Medevac) bagi membawa seorang bayi perempuan Orang Asli yang sesak nafas, batuk dan selesema sejak tiga hari lalu dari Pos Balar di sini, mendapatkan rawatan di Hospital Gua Musang, kelmarin.

Pegawai Perhubungan Awam JBPM Pangkalan Wilayah Tengah Subang, Selangor Mohd Hasrizal Kamaruzzaman berkata, mangsa, Herissya Hefly berusia satu tahun tiga bulan yang ditemani ibunya, Tijah Enda, 22, berada dalam keadaan stabil sewaktu proses pemindahan dilaksanakan.

"Anak kapal menerima tugas mengambil pesakit ini ketika melaksana-

kan operasi menghantar makanan ke pos pedalaman Orang Asli di Pusat Sivik di sini pada jam 10.26 pagi dengan menggunakan pesawat Agusta Westland 189 (AW189).

"Dua jururawat dari Hospital Gua Musang dibawa bersama ke Pos Balar untuk mengeluarkan pesakit terabit," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Hasrizal berkata, sepanjang operasi itu keadaan cuaca berawan rendah pada ketinggian 2,000 kaki dan penglihatan terhad di sesetengah tempat.

Menurutnya operasi Medevac itu membabitkan tiga kru penerbangan yang diketuai Penguasa Kanan Bomba II Wahyudi Mohd Sayuhti.



PESAKIT kanak-kanak perempuan Orang Asli bersama ibunya dibawa ke Hospital Gua Musang dengan penerbangan Medevac.